

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah yang dimaksudkan dengan bantuan moratorium dalam Pakej Perlindungan Rakyat & Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan baru-baru ini?	Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Jun 2021 di dalam Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), program moratorium diperkenalkan bagi membantu pelanggan yang masih terus terkesan akibat pandemik Covid-19.
2	Siapakah yang layak untuk memohon program ini?	Pelanggan individu dari semua kategori (B40, M40 dan T20) layak memohon untuk program ini.
3	Adakah program ini bersifat automatik?	Tidak, pelanggan perlu memohon untuk menyertai program ini.
4	Apakah pra-syarat kelayakan untuk permohonan program ini?	Pra-syarat kelayakan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Akaun pembiayaan pelanggan yang diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021; b) Akaun pembiayaan tidak tertunggak melebihi 90 hari dan tidak diklasifikasikan sebagai pembiayaan tidak berbayar pada tarikh permohonan lengkap diterima. c) Pelanggan bukan seorang yang bankrap.
5	Apakah pakej yang ditawarkan di bawah program ini?	Pakej yang ditawarkan (tertakluk kepada kelayakan seperti yang dinyatakan di soalan terdahulu) adalah seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> a) Penangguhan pembayaran ansuran bulanan selama enam (6) bulan; atau b) Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama enam (6) bulan.

No.	Soalan	Jawapan
6	Bilakah pelanggan boleh mula membuat permohonan?	Pelanggan boleh mula memohon mulai 7 Julai 2021.
7	Bolehkah pelanggan yang telah atau sedang berada di bawah program bantuan sedia ada memohon?	Ya, pelanggan yang telah atau sedang berada di bawah program bantuan sedia ada juga layak memohon.
8	Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan sedia ada sekiranya ingin memohon untuk program ini?	<p>Pelanggan boleh memilih samada;</p> <p>a) Mmohon program ini dengan serta merta (bermula 7 Julai 2021) atau;</p> <p>b) Membuat permohonan sebelum tamatnya program sedia ada.</p> <p><i>Nota: Program sedia ada akan terbatal sekiranya permohonan dibuat secara serta merta.</i></p>
9	Apakah jenis pembiayaan individu yang layak untuk memohon program ini?	<p>Jenis pembiayaan individu yang layak adalah seperti berikut:</p> <p>a) Perumahan (individu/bersama)</p> <p>b) Peribadi</p> <p>c) Kenderaan</p> <p>d) Kad Kredit-i (bagi baki yang telah ditukarkan kepada pelan ansuran)</p>

No.	Soalan	Jawapan
10	Adakah akaun pembiayaan dibawah program Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) layak memohon?	Tidak, sila rujuk kepada AKPK untuk maklumat lanjut. Walau bagaimanapun, pelanggan di bawah program AKPK yang mana bayaran bulanan dibuat terus ke Bank Islam boleh dipertimbangkan di bawah program ini. Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi Bank Islam untuk maklumat lanjut.
11	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon?	Tiada dokumen diperlukan. Pelanggan hanya perlu membuat permohonan sahaja untuk menyertai program ini.
12	Apakah bentuk bantuan yang ada sekiranya pelanggan TIDAK memenuhi kriteria untuk memohon program ini?	Pelanggan boleh memohon untuk pakej penjadualan semula. Sila rujuk kepada soalan lazim "Program Penjadualan/Penstrukturkan Semula" di laman sesawang www.bankislam.com untuk program tersebut. Disamping itu juga, pelanggan boleh mendapatkan bantuan daripada AKPK dengan menghubungi 03-26167766 untuk maklumat lanjut.
13	Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?	Permohonan boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang https://www.bankislam.com/corporate-info/covid-19-support-and-assistance/information-for-customers/ .
14	Bilakah pengesahan permohonan pelanggan akan dimaklumkan?	Pelanggan akan dimaklumkan tentang pengesahan penerimaan permohonan secara serta merta selepas permohonan disahkan terima.

No.	Soalan	Jawapan
15	Bagaimanakah Bank memaklumkan keputusan permohonan kepada pelanggan?	Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel. Sila pastikan anda menyatakan alamat e-mel yang betul semasa membuat permohonan, menyemak peti e-mel yang didaftarkan semasa permohonan dan membuat semakan juga didalam peti "junk" e-mel kerana berkemungkinan e-mel tersebut dipindahkan ke peti e-mel tersebut.
16	Berapa lamakah tempoh untuk pelanggan mengetahui keputusan permohonan program ini?	Keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) hari mengikut kalendar atau selewat-lewatnya dalam tempoh lima (5) hari mengikut kalendar.
17	Bilakah tarikh efektif bagi pakej permohonan yang telah diluluskan?	Pelanggan boleh memilih tarikh efektif tersebut semasa membuat permohonan samada untuk ianya berkuatkuasa serta merta atau pada bulan yang berikutnya. (bagi permohonan dalam bulan Julai 2021 sahaja) Bagi permohonan yang dibuat selepas bulan Julai 2021, tarikh efektif hanya akan berkuatkuasa pada bulan yang berikutnya.
18	Berapa lamakah tempoh yang diperlukan untuk akaun dikemaskinikan dengan terma-terma pembayaran yang baru?	Terma-terma pembayaran yang baru akan dikemaskinikan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh surat pemberitahuan.

No.	Soalan	Jawapan
19	Bagaimanakah dengan status akaun pembiayaan pelanggan di dalam laporan kredit (CCRIS) Bank Negara Malaysia bagi pelanggan yang menyertai program ini?	Akaun pembiayaan pelanggan TIDAK akan diklasifikasikan sebagai akaun penjadualan semula di dalam laporan kredit (CCRIS) Bank Negara Malaysia.
20	Bagaimana dengan pembiayaan pelanggan yang mana ansurannya ditolak secara automatik daripada gaji pelanggan?	Pelanggan perlu menghubungi majikan masing-masing untuk mengemaskini/menghentikan amaun potongan gaji dan tarikh efektif pemotongan selepas kelulusan diterima.
21	Bagaimana dengan pelanggan yang membuat Arahan Tetap untuk pembayaran pembiayaannya?	Setelah diluluskan, pihak Bank akan mengemaskini amaun bayaran dan tarikh baru pemotongan Arahan Tetap pelanggan jika Arahan Tetap adalah dari akaun simpanan/akaun semasa di Bank Islam. Jika akaun simpanan/akaun semasa pelanggan di bank lain, pelanggan perlu mengemaskini Arahan Tetap tersebut berdasarkan amaun bayaran terkini dengan bank yang terlibat.
22	Adakah pelanggan perlu meneruskan pembayaran sebelum permohonan diluluskan?	Ya, pembayaran ansuran sedia ada perlu dibuat sehingga ke tarikh efektif kelulusan.

No.	Soalan	Jawapan						
23	Apakah impak kepada baki pembiayaan pelanggan di bawah program ini?	<p>Baki pembiayaan untuk akaun yang menyertai program ini akan menyusut pada kadar yang perlahan dan juga berkemungkinan akan menyebabkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kenaikan kepada jumlah keseluruhan pembayaran sepanjang tempoh pembiayaan dan kenaikan kos pembiayaan keseluruhan dan/atau; b) Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan. c) Keuntungan akan terus terakru ke atas mana-mana bayaran pembiayaan yang telah ditanggungkan dan pelanggan perlu membayarnya pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut tidak akan dikompaunkan. <p>Berikut adalah ilustrasi impak kepada baki pembiayaan pelanggan:</p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td>Jumlah Pembiayaan: RM40,000</td> <td>Harga Jualan: RM57,096</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Efektif: 5.28%</td> <td>Kadar Keuntungan Siling: 15.00%</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pembiayaan: 60 bulan</td> <td>Ansuran Bulanan: RM759.99</td> </tr> </tbody> </table>	Jumlah Pembiayaan: RM40,000	Harga Jualan: RM57,096	Kadar Keuntungan Efektif: 5.28%	Kadar Keuntungan Siling: 15.00%	Tempoh Pembiayaan: 60 bulan	Ansuran Bulanan: RM759.99
Jumlah Pembiayaan: RM40,000	Harga Jualan: RM57,096							
Kadar Keuntungan Efektif: 5.28%	Kadar Keuntungan Siling: 15.00%							
Tempoh Pembiayaan: 60 bulan	Ansuran Bulanan: RM759.99							

No.	Soalan	Jawapan	
		<p data-bbox="750 395 1249 427">TANPA Bantuan Bayaran Pembiayaan</p> <p data-bbox="750 850 875 882"><u>Andaian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="750 906 1332 1010">a) Tiada perubahan Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sehingga tamat tempoh pembiayaan. <li data-bbox="750 1034 1332 1217">b) Pelanggan membuat bayaran secara tetap sehingga akhir tempoh pembiayaan dan akaun tiada tunggakan dan sentiasa kemaskini. sepanjang tempoh tersebut. <li data-bbox="750 1241 1332 1305">c) Tiada bayaran sekaligus yang mengurangkan baki pokok pembiayaan. 	<p data-bbox="1393 395 1910 427">DENGAN Bantuan Bayaran Pembiayaan</p> <p data-bbox="1393 475 1496 507"><u>Senario</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1393 531 2004 635">a) Pelanggan menerima tiga (3) bulan penangguhan bayaran di bawah program sebelum ini dan seterusnya; <li data-bbox="1393 659 2004 762">b) Pelanggan memohon untuk enam (6) bulan penangguhan bayaran di bawah program ini. <p data-bbox="1393 842 1518 874"><u>Andaian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1393 898 1982 1002">a) Tiada perubahan Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sehingga tamat tempoh pembiayaan. <li data-bbox="1393 1026 2004 1209">b) Pelanggan membuat bayaran secara tetap setelah tamat tempoh penangguhan sehingga akhir tempoh pembiayaan dan akaun tiada tunggakan sepanjang tempoh tersebut. <li data-bbox="1393 1233 1982 1297">c) Tiada bayaran sekaligus yang mengurangkan baki pokok pembiayaan.

No.	Soalan	Jawapan		
		<table border="1" data-bbox="745 395 2056 818"> <tr> <td data-bbox="745 395 1377 818"> <ul style="list-style-type: none"> ○ Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM45,599.49. </td> <td data-bbox="1377 395 2056 818"> <ul style="list-style-type: none"> ○ Lanjutan tempoh pembiayaan : 9 bulan; ○ Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan: RM2,850.13 (termasuk kadar keuntungan tambahan sebanyak RM2,090.05 disebabkan oleh penangguhan pembiayaan); ○ Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM47,689.54; </td> </tr> </table> <p data-bbox="745 890 819 919"><i>Nota:</i></p> <ol data-bbox="745 946 1682 1026" style="list-style-type: none"> 1. <i>Ilustrasi ini adalah untuk pembiayaan dibawah kadar terapung.</i> 2. <i>Tiada tambahan kos pembiayaan bagi akaun dibawah kadar tetap.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM45,599.49. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Lanjutan tempoh pembiayaan : 9 bulan; ○ Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan: RM2,850.13 (termasuk kadar keuntungan tambahan sebanyak RM2,090.05 disebabkan oleh penangguhan pembiayaan); ○ Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM47,689.54;
<ul style="list-style-type: none"> ○ Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM45,599.49. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Lanjutan tempoh pembiayaan : 9 bulan; ○ Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan: RM2,850.13 (termasuk kadar keuntungan tambahan sebanyak RM2,090.05 disebabkan oleh penangguhan pembiayaan); ○ Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM47,689.54; 			
24	Adakah tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan akan dilanjutkan?	Sebarang lanjutan kepada tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan adalah tertakluk kepada aturcara bayaran yang ditetapkan.		

No.	Soalan	Jawapan
25	Bagi akaun pembiayaan dibawah perlindungan Takaful, adakah tempoh tersebut akan diselaraskan mengikut tempoh lanjutan?	Tidak, perlindungan Takaful tidak akan dilanjutkan bagi tempoh lanjutan pembiayaan.
26	Apakah yang perlu pelanggan lakukan sekiranya kedudukan kewangan mereka bertambah baik semasa tempoh program ini?	Pelanggan disarankan untuk berhubung dengan pihak Bank sekiranya aliran kewangan mereka bertambah baik bagi menyusun semula terma pembayaran sedia ada termasuk kembali kepada ansuran asal pembiayaan.
27	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pelanggan masih lagi menghadapi kekangan kewangan selepas program ini tamat?	Pelanggan diminta menghubungi pihak Bank untuk perbincangan lanjut berkenaan dengan bantuan penyelesaian kewangan. Sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2690 0900.

- TAMAT -